

# Halim Saad saman Dr Mahathir

## Bekas Pengarah Renong dakwa alami kerugian akibat hilang kawalan ke atas syarikat, aset

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli perniagaan, Tan Sri Halim Saad mengemukakan saman terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua yang lain berhubung dakwaan mengalami kerugian selepas diarahkan kerajaan menjual saham miliknya dalam Renong Bhd, 23 tahun lalu.

Bekas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Renong itu memfailkan saman terbabit pada 2 Ogos lalu melalui firma guaman Tetuan Malik Imtiaz Sarwar dengan menamakan Mahathir, bekas Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakkop dan Kerajaan Ma-

laysia masing-masing sebagai defendan pertama, kedua dan ketiga.

Halim berkata, tuntutan beliau berdasarkan pelanggaran haknya oleh Kerajaan Malaysia ketika diarahkan Dr Mahathir dan Nor Mohamed untuk tidak meneruskan pemerolehan 32.69 peratus dalam Renong Berhad daripada United Engineers Malaysia Berhad (UEM) menurut Opsyen Jual yang dilaksanakan ke atasnya oleh UEM pada Disember 2000.

Ketika itu Dr Mahathir atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri dan Nor Mohamed pula atas kapasitinya sebagai Penasihat Ekonomi Khas kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata pelanggaran itu seperti termaktub dalam Perkara 8(1) dan Perkara 13(1) dan atau (2) Perlembagaan Persekutuan.

"Selanjutnya, saya diarahkan oleh defendan pertama dan kedua (Dr Mahathir dan Nor Mohamed) untuk tidak meneruskan pengambilalihan UEM yang akan saya laksanakan bersama Renong.

"Sebaliknya, saya dikehendaki oleh defendan pertama dan kedua untuk menyokong inisiatif kera-

jaan melalui anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Bhd, Danasaham Sdn Bhd untuk mengambil alih UEM melalui Tawaran Am.

Perancangan Kerajaan untuk mengambil alih UEM dan akhirnya diswastakan tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan yang saya bersetuju untuk berikan.

"Tindakan kolektif dan bersepadu defendan menyebabkan saya kehilangan kawalan ke atas Renong yang juga bermakna kehilangan kawalan secara tidak langsung ke atas UEM dan asetnya yang sangat bernilai termasuk tetapi tidak terhad kepada Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Elite Expressway dan Laluan Kedua Malaysia (LINKEDUA).

"Saya mengalami kerugian kewangan akibat daripada tindakan defendan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam tuntutan samannya pula, Halim berkata pada masa yang material, Renong memegang 37.92 peratus saham UEM dan beliau pemegang saham individu tunggal terbesar dan mengawal syarikat itu (Renong).

Halim berkata, beliau berniat untuk membuat tawaran am ke

atas UEM, sama ada melalui Renong atau bersama Renong, untuk menswastakan UEM sebagai anak syarikat Renong yang akan membolehkan beliau raempereoleh kawalan dan milikan penuh ke atas UEM melalui Renong.

### Terima arahan Dr Mahathir

Menurutnya, beliau diarahkan oleh Dr Mahathir dan Nor Mohamed secara langsung supaya tidak meneruskan Tawaran Am kerana kerajaan ingin mengambil semua saham dalam UEM melalui Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) atau pihak yang akan dicalonkan oleh Khazanah.

"Seiring itu, saya diarahkan keluar daripada UEM dan Renong sebagai pemegang saham dan juga pengarah, termasuk dalam anak syarikat. Ini mewajibkan saya menyerahkan kawalan ke atas Renong dan UEM kepada Kerajaan dan selanjutnya melupuskan saham Renong dan mengalami kerugian.

"Saya mematuhi arahan itu kerana Dr Mahathir adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu.

Kesudahannya, Khazanah memperoleh keseluruhan saham UEM

melalui anak syarikatnya, Danasaham Sdn Bhd dan dengan itu memperoleh kawalan terhadap UEM yang ketika itu memiliki 32.6 peratus saham Renong.

"Dengan cara ini, kerajaan mengambilalih UEM dan secara tidak langsung memperoleh kawalan dan hak milik tidak langsung ke atas Kumpulan Renong," katanya.

Halim antaranya memohon perisytiharan, antaranya beliau pemegang saham Renong dan bukannya UMNO selain mendakwa kerajaan melanggar Perkara 8 (1) atau Perkara 13 (2) Perlembagaan Persekutuan kerana gagal memberikan pampasan yang memadai kepadanya.

Beliau juga memohon perintah supaya kerajaan membayar pampasan kepadanya dan menuntut ganti rugi am, ganti rugi teladan atau teruk, faedah, kos atau relif yang sesuai oleh mahkamah.

Pada 2013, beliau memfailkan saman sivil RM1.8 bilion terhadap kerajaan, Khazanah dan Tan Sri Nor Mohamed Yakkop selepas mendakwa beliau ditipu bagaimanapun ia ditolak dan gagal rayuan di Mahkamah Persekutuan pada 2015.